

05 SEP 1996

Mahathir-Iraq

M'SIA AKAN CADANG OIC KEMUKA PENDIRIAN BERSAMA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia bercadang mengemukakan kepada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk menetapkan satu pendirian bersama mengenai serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun kerajaan belum membuat keputusan rasmi mengenainya.

"Kita akan cuba," katanya menjawab soalan pemberita mengenai sama ada Malaysia akan mengemukakan cadangan untuk mendapatkan pendirian bersama OIC mengenai isu itu.

Beliau berkata demikian selepas mengunjungi Presiden Malawi, Dr Bakili Muluzi di sebuah hotel di sini. Muluzi tiba hari ini untuk memulakan lawatan tiga hari.

Dr Mahathir berkata Malaysia sangat menyesali tindakan bersendirian Amerika melancarkan peluru berpandu terhadap Iraq berikutan serangan tentera Iraq terhadap puak Kurdis.

"Kita berasa dukacita kerana Amerika Syarikat mengambil tindakan ini tanpa merujuk dulu kepada Security Council (Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) atau pihak lain," katanya.

"Amerika terlalu gopoh mengambil tindakan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata Presiden Iraq Saddam Hussein juga tidak sepatutnya membuat serangan sedemikian (terhadap puak Kurdis) yang menyebabkan serangan balas Amerika.

Mengenai kemungkinan serangan itu berhubung kait dengan pilihan raya presiden di Amerika, Dr Mahathir berkata: "Saya tak berani nak kata, tetapi ada orang kata ia ada kaitan dengan presidential election (pilihan raya presiden), dan ini kalau benar kita amat sedih kerana (disebabkan) internal politics (politik dalaman) kita sanggup bom orang."

Dr Mahathir berkata serangan Amerika Syarikat itu tidak boleh ditentukan sebagai satu serangan yang mempunyai objektif ketenteraan.

"Seperti biasa kita tak boleh tentukan bahawa dia kena kepada military objective sahaja," katanya.

Mengenai dakwaan DAP kononnya seorang calon Bebas dalam pilihan raya negeri di Sarawak "dibeli" untuk memberi kemenangan kepada calon Barisan Nasional, Perdana Menteri berkata parti pembangkang itu perlu menunjukkan bukti mengenainya.

"Suruh dia tunjuk bukti kalau benar... Itu buat tuduhan, mudah saja nak buat tuduhan, tapi tunjuklah bukti.

"Kita boleh menang di situ, tak payah nak bayar duit," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

RAZ WNZ MAI